

Newspaper	Sinar Harian
Date	6 June 2015

Najib hilang peluang raih kepercayaan rakyat

Sinar Harian - 6/6/2015

IOJALA LUMPUR - Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak gagal menggunakan peluang untuk menjelaskan tentang isu Malaysia Development Berhad (IMDB) selepas gagal hadir Diaiog PM Bersama NGO: 'Nothing To Hide di P WTC, semalam

Bekas perdana menteri itu berkata, platform yang disediakan Pertubuhan Sulat Iawan Peguam Malaysia (Sukaguam) sepatutnya dimanfaatkan Najib untuk menjawab segala persoalan yang berlegar di Skiran rakyat.

"Dia (Najib) hilang peluang untuk memenangi semula sokongan kepada dirinya sendiri, jelaskan semua perkara, tiada duit yang hilang, apa yang hilang itu benar, sini peluangnya, tapi dia hilang peluang itu" katanya kepada media selepas di arah berhenti memberi ucapan di

Dewan Tun Hussein Onn

Dr Mahathir sebelum itu didatangi seorang pegawai polis ketika sedang berucap di atas pentas supaya beliau segera memberhentikan ucapannya itu.

Ditanya apakah beliau tahu bahawa program tersebut telah dibatalkan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, Dr Mahathir berkata:

"Saya tak tahu arahan dia, saya tak dengar, apa yang saya tahu polis datang kepada saya, minta saya berhenti (bercakap)!"

Menurut beliau, sekiranya Najib mengambil peluang itu dan menjawab persoalan yang dibangkitkan dengan baik, beliau sedia menyokong semula kepimpinan negara hari ini.

"Saya datang ke sini untuk mendengar penjelasan, saya harap penjelasan dia bagus supaya

lota boleh terus sokong dia. Uleh kerana dia tak datang dan menjelaskan, saya tak boleh sokong dia' katanya.

Ditanya adakah beliau mendapat sokongan daripada kepimpinan dalam BN untuk mendesak perdana menteri meletak jawatan, Dr Mahathir berkata, perkara itu sukar ditafsirkan kerana sokongan itu akhirnya akan diterjemah melalui undi.

"Saya talc tahu, Umno selalu turun nail, bila ada perjumpaan dengan 30,000 - 40,000 rakyat, mereka selaiu kata sayang dia sokong dia, Najib tidak keseorangan.

"Mereka mungkin sokong saya, tetapi pilihan raya lalu, mereka semua keluar, komuniti Ciria keluar 70,000 tapi dia tak dapat satu pun undij' katanya.

Dr Mahathir dalam ucapannya sebelum itu,

menegaskan beliau sangat terhutang budi dengan Tun Abdul Razak bapa kepada Najib yang banyak membantunya.

"Kenapa saya tak menyokong Najib walaupun Tun Razak idola saya, dan terhutang budi pada Tun Razak, sebab itu saya nak teruskan perjuangan Tun Razak saya sokong tapi saya tengok dasar yang dibawa (Najib) terlalu tunduk pada Singapura dan pada Amerika.

"Sehingga nak buat kereta api pun nak tanya pada Singapura. Apakah negara ldt sudah merdeka atau masih dijajah; soalnya.

Menurutnya, selama hari ini beliau menahan diri daripada bersuara kerana sedar diri bahawa bukan perdana menteri lagi.

Namun hari ini katanya, beliau terpaksa tampil apabila isu kehilangan wang berbilion ringgit tidak diketahui rakyat.